

03 JAN 2001

DR MAHATHIR BERLEPAS KE MYANMAR UNTUK LAWATAN KERJA DUA HARI

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Myanmar hari ini untuk melakukan lawatan kerja dua hari.

Dr Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas dengan pesawat khas pada pukul 9.15 pagi dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, dekat sini.

Semasa di Myanmar, Dr Mahathir dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Jen Kanan Than Shwe, Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara dan Perdana Menteri Myanmar.

Mereka dijangka berbincang dan bertukar-tukar pendapat berkenaan isu hubungan dua hala dan serantau.

Turut hadir di pangkalan TUDM itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan beberapa menteri serta pegawai tinggi kerajaan.

-- BERNAMA
APG MNY NMO